



TIMBALAN KETUA SETIAUSAHA (PENGURUSAN)

Deputy Secretary General (Management)

KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

Ministry of Health Malaysia

*Aras 12, Blok E7, Kompleks E
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62590 PUTRAJAYA*

*Telefon : 03-88832540
Fax. : 03-88895303*

Ruj. Kami : KKM.100-6/1/283(3)
Tarikh : 25 Oktober 2019

SEPERTI SENARAI EDARAN

YBhg. Datuk/Dato'/Tuan/Puan,

**PERATURAN PERJALANAN PEGAWAI AWAM KE LUAR NEGARA ATAS
URUSAN PERSENDIRIAN KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA**

Dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Sebagaimana yang telah dimaklumkan melalui surat Timbalan Ketua Setiausaha (Pengurusan) Kementerian Kesihatan Malaysia bil 8 dlm. KKM.BKP100-2/11/1Jld.4 bertarikh 3 Disember 2012, Ketua Setiausaha Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) telah menurunkan kuasa kepada pegawai-pegawai pelulus yang telah dikenal pasti bagi meluluskan perjalanan ke luar negara atas urusan persendirian.

3. Selaras dengan hasrat mengurangkan karenah birokrasi dan memperkemas proses penyampaian perkhidmatan, Ketua Setiausaha KKM telah bersetuju mengemaskini dan menyelaras semula penurunan kuasa tersebut. Sehubungan itu, senarai Pegawai Penyokong dan Pegawai Pelulus adalah seperti di Lampiran.

4. Dalam melaksanakan urusan tersebut, pemohon hendaklah mematuhi perkara-perkara yang dinyatakan dalam perenggan 6 (i) dan (ii) dalam Surat Pekeliling Am Bil. 3 Tahun 2012 yang menyatakan:

- i. Pegawai mempunyai keupayaan kewangan yang mencukupi untuk ke Negara yang dilawati; dan
- ii. Lawatan tersebut tidak dibiayai oleh individu atau syarikat swasta yang boleh menimbulkan syak yang munasabah bahawa pegawai telah mengutamakan kepentingan peribadinya berbanding tugas awam pegawai atau membiarkan kepentingan peribadinya bercanggah dengan tugas rasmi pegawai.

5. Bagi menjelaskan pelaksanaan peraturan di atas, disertakan **Garis Panduan Permohonan Perjalanan Ke Luar Negara Atas Urusan Persendirian** sebagai rujukan dan tindakan di mana berkaitan. Semua Jabatan Kesihatan Negeri, Hospital Kuala Lumpur dan Institusi bertanggungjawab merekod perjalanan ke luar negara bagi semua fasiliti di bawah tanggungjawab masing-masing dan menyimpan laporan lengkap.

6. Sebarang pertanyaan mengenai perkara ini bolehlah dikemukakan kepada:-

Urusetia Permohonan Perjalanan Luar Negara
Unit Kewangan
Cawangan Kewangan dan Pengurusan Aset
Bahagian Khidmat Pengurusan
Aras 8, Blok E7, Kompleks E
62590 Putrajaya
No. Tel: 03-8883 3036/3692/2841/2831/2874
Emel: urusetia_luarnegara@moh.gov.my

7. Bersama-sama ini disertakan **Surat Penurunan Kuasa Pegawai Pengawal kepada Pegawai Pelulus** yang telah dikenal pasti, berkuatkuasa mulai **15 Oktober 2019**. Dengan ini, surat penurunan kuasa Ketua Setiausaha KKM bertarikh 29 November 2012 adalah terbatal.

8. Sukacita dapat pihak YBhg. Datuk/Dato'/Tuan/Puan untuk memaklumkan perkara ini kepada semua penjawat awam di semua fasiliti di bawah tanggungjawab masing-masing.

Sekian, terima kasih.

'BERKHIDMAT UNTUK NEGARA'

Saya yang menjalankan amanah,



(DATO' MOHD SHAFIQ BIN ABDULLAH)
b.p. Ketua Setiausaha
Kementerian Kesihatan Malaysia

s.k:

Ketua Setiausaha Kementerian Kesihatan Malaysia

Ketua Pengarah Kesihatan

Timbalan Ketua Setiausaha (Kewangan)

Timbalan Ketua Pengarah (Perubatan)

Timbalan Ketua Pengarah (Kesihatan Awam)

Timbalan Ketua Pengarah (Penyelidikan dan Sokongan Teknikal)

LAMPIRAN

SENARAI PEGAWAI PENYOKONG DAN PEGAWAI PELULUS PERMOHONAN PERJALANAN PEGAWAI AWAM KE LUAR NEGARA ATAS URUSAN PERSENDIRIAN

Tempat	Kategori Pegawai	Kuasa Menyokong	Kuasa Melulus
Peringkat Ibu Pejabat	KPK/TKSU(P)/TKSU (K)/SUB Kanan (Pembangunan)/SUB (Dasar dan Hubungan Antarabangsa)/ Penasihat Undang-Undang/Ketua Cawangan Audit Dalam/Ketua Unit Komunikasi Korporat/ Ketua Unit Integriti	Tiada	KSU
	TKPK/Pengarah Kanan	KPK	KSU
	Setiausaha Bahagian/Pengarah Bahagian	Ketua Program	KSU
	Lain-Lain Jawatan (Gred Utama/Khas C dan Ke Atas)	Ketua Program	TKSU (P)
	Kumpulan Pengurusan dan Profesional di Ibu Pejabat Gred 41-56	TSUB/ Timbalan Pengarah	SUB/ Pengarah Bahagian
	Kumpulan Pelaksana di Ibu Pejabat Gred 40 dan ke bawah	Ketua Cawangan/ Seksyen/ Unit	SUB/ Pengarah Bahagian

Tempat	Kategori Pegawai	Kuasa Menyokong	Kuasa Melulus
Peringkat Institusi Khas*	Pengarah Institusi	Ketua Program	KSU
	Lain-Lain Jawatan (Gred Utama/Khas C dan Ke Atas)	Pengarah Institusi	Ketua Program
	Kumpulan Pengurusan dan Profesional Gred 41-56	Ketua Cawangan/ Seksyen	Pengarah Institusi
	Kumpulan Pelaksana Gred 40 dan ke bawah	Ketua Cawangan/ Seksyen	Pengarah Institusi

*IKN, IMR & PDN

Tempat	Kategori Pegawai	Kuasa Menyokong	Kuasa Melulus
Peringkat HKL	Pengarah HKL	KPK	KSU
	Lain-Lain Jawatan (Gred Utama/Khas C dan Ke Atas)	Tiada	Pengarah HKL
	Kumpulan Pengurusan dan Profesional Gred 41-56	Ketua Cawangan/ Unit/ Jabatan	Pengarah HKL
	Kumpulan Pelaksana Gred 40 dan ke bawah	Ketua Unit	Ketua Cawangan/ Jabatan

Tempat	Kategori Pegawai	Kuasa Menyokong	Kuasa Melulus
Peringkat Hospital Wanita Kanak-Kanak Kuala Lumpur (HKL selaku JKN)	Pengarah HWKKKL	Timbalan Pengarah (Perubatan) HKL	Pengarah HKL
	Timbalan Pengarah HWKKKL	Pengarah HWKKKL	Pengarah HKL
	Lain-lain Jawatan (Gred Utama/Khas C dan ke atas)	Pengarah HWKKKL	Pengarah HKL
	Kumpulan Pengurusan dan Profesional Gred 41 – 56	Timbalan Pengarah HWKKL	Pengarah HWKKKL
	Kumpulan Pelaksana Gred 40 dan ke bawah	Timbalan Pengarah HWKKL	Pengarah HWKKKL

Tempat	Kategori Pegawai	Kuasa Menyokong	Kuasa Melulus
Peringkat Negeri / Hospital / Daerah dan di fasiliti bawahnya	Pegarah JKN	KPK	KSU
	Timbalan Pegarah JKN	Tiada	Pegarah JKN
	Pegarah Hospital	Timbalan Pegarah (Perubatan) JKN	Pegarah JKN
	Pegawai Kesihatan / Pergigian Daerah	Timbalan Pegarah JKN	Pegarah JKN
	Timbalan Pegarah Hospital	Pegarah Hospital	Pegarah JKN
	Lain-Lain Jawatan (Gred Utama/Khas C dan Ke Atas)	Timbalan Pegarah JKN/ Timbalan Pegarah (Perubatan) Hospital	Pegarah JKN / Pegarah Hospital
	Kumpulan Pengurusan dan Profesional Gred 41-56	Timbalan Pegarah JKN/ Hospital / Daerah/ Fasiliti yang berkaitan	Pegarah JKN / Pegarah Hospital / Pegawai Kesihatan Daerah
	Kumpulan Pelaksana Gred 40 dan ke bawah	Timbalan Pegarah JKN/ Hospital / Daerah/ Fasiliti yang berkaitan	Pegarah JKN / Ketua Jabatan di Hospital / Pegawai Kesihatan Daerah

Tempat	Kategori Pegawai	Kuasa Menyokong	Kuasa Melulus
Peringkat NIH dan institut penyelidikan di bawahnya	Pengarah NIH	Ketua Program	KSU
	Lain-Lain Jawatan (Gred Utama/Khas C dan Ke Atas)	Pengarah NIH	Ketua Program
	Kumpulan Pengurusan dan Profesional Gred 41-56	Pengarah Institut/ Bahagian	Pengarah NIH
	Kumpulan Pelaksana Gred 40 dan ke bawah	Pengarah Institut/ Bahagian	Pengarah NIH

Tempat	Kategori Pegawai	Kuasa Menyokong	Kuasa Melulus
Peringkat Kolej Pergigian	Pengarah Kolej Pergigian	Tiada	Pengarah Kanan Kesihatan Pergigian
	Kumpulan Pengurusan dan Profesional Gred 41-56	Pengarah Kolej Pergigian	Pengarah Kanan Kesihatan Pergigian
	Kumpulan Pelaksana Gred 40 dan ke bawah	Ketua Unit/ Cawangan	Pengarah Kolej Pergigian

Tempat	Kategori Pegawai	Kuasa Menyokong	Kuasa Melulus
Peringkat Institusi Latihan KKM	Pengarah Institusi Latihan	Tiada	SUB (BPL)
	Kumpulan Pengurusan dan Profesional Gred 41-56	Pengarah Institusi Latihan	SUB (BPL)
	Kumpulan Pelaksana Gred 40 dan ke bawah	Timbalan Pengarah	Pengarah Institusi Latihan